



## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : SISTEM KEWANGAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : DPI3213**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bank perdagangan	Insuran hayat
Pelaburan	<i>Riba jahiliyah</i>
Bon	<i>Riba alfadil</i>
<i>Maisir dan gharar</i>	<i>mudarabah</i>
Kekangan pengurusan	<i>Murabahah</i>
Bank	Riba
Sistem perbankan tanpa faedah	Simpanan

1. Peranan \_\_\_\_\_ adalah memberi pinjaman kepada golongan yang memerlukan.
2. \_\_\_\_\_ merupakan satu aktiviti yang melibatkan pembelian asset yang menawarkan jangkaan pendapatan atau keuntungan modal atau kedua-duanya.
3. \_\_\_\_\_ merupakan satu contoh sekuriti dalam pelaburan.
4. \_\_\_\_\_ merupakan perkara yang diharuskan dalam urusan takaful.
5. \_\_\_\_\_ melibatkan kesediaan pelabur untuk membuat keputusan mengenai pelaburan.
6. Sistem \_\_\_\_\_ melibatkan syarikat insuran,institusi tabungan dan Kumpulan Simpanan Pekerja.
7. \_\_\_\_\_ merupakan salah satu sistem yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dalam memperkenalkan produk Islam
8. \_\_\_\_\_ melibatkan perkara yang asas seperti kematian, kemalangan dan cacat kekal.
9. \_\_\_\_\_ ialah riba yang berkaitan dengan melibatkan barang ribawi.
10. \_\_\_\_\_ membawa maksud perkongsian di antara dua individu dalam melaksanakan urusan perniagaan iaitu seorang pengusaha dan seorang pemodal.

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **ENAM (6)** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Terangkan **DUA (2)** konsep syariah

(5 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan mengenai fungsi sistem kewangan

(5 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan secara ringkas :

i) Akaun simpanan atas asas *mudarabah*

(2.5 markah)

ii) Akaun pelaburan dengan pulangan tetap

(2.5 markah)

**SOALAN 4**

Terangkan secara ringkas mengenai **DUA (2)** jenis syer keutamaan

(5 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan **DUA (2)** peranan Bursa Saham Kuala Lumpur

(5 markah)

**SOALAN 6**

Berikan perbezaan antara *mudarabah mutlaqah* dan *mudarabah muqayyadah*

(5 markah)

**SOALAN 7**

Terangkan secara ringkas mengenai operasi bank Islam dalam pengurusan mudarabah dalam konsep pelaburan. (5 markah)

[30 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Terangkan **LIMA (5)** perbezaan antara sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan islam  
(10 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **EMPAT (4)** fungsi Bank Perdagangan  
(8 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan definisi Bai' al salam  
(2 markah)
- b) Terangkan rukun Bai salam  
(8 markah)

**SOALAN 4**

- a) Terangkan **TIGA (3)** asas falsafah insuran islam  
(6 markah)
- b) Jelaskan **DUA (2)** perkara yang bertentangan dengan insuran islam  
(4 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan mengenai Sistem Perbankan Islam  
( 10 markah)

**SOALAN 6**

Huraikan **LIMA (5)** asas falsafah Bank Islam  
( 10 markah)

**SOALAN 7**

Terangkan **LIMA (5)** tujuan Lembaga Tabung Haji di tubuhkn di bawah Akta 8.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**